

28 AUG 1997

PEMBELIAN SAHAM BSKL OLEH DANA TEMPATAN LANGKAH YANG BETUL

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Penganalisis pasaran berkata kesediaan institusi tempatan dan pelabur persendirian untuk menyokong pasaran saham yang menurun sekarang sebagai satu idea yang baik dan langkah ke arah yang betul.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan bahawa berbilion ringgit akan digunakan dalam langkah tersebut, jika perlu.

Dr Mahathir juga berkata pemberhentian pemberian pinjaman sekuriti bertujuan mencegah dana asing daripada mengheret turun pasaran saham tempatan melalui manipulasi penjualan pendek.

Pengarah eksekutif HA Options & Financial Futures Sdn Bhd Christopher Podbury, yang menyokong langkah itu, turut mencadangkan agar selain penyertaan lebih besar oleh institusi tempatan, pasaran juga boleh disokong dengan mempercepatkan perundangan untuk membolehkan syarikat membeli balik saham mereka.

Langkah itu akan membolehkan syarikat menyokong harga saham mereka sendiri walaupun ia memerlukan wang yang banyak untuk melakukannya, katanya sambil menambah bahawa amalan ini dilakukan di Amerika Syarikat.

Seorang penganalisis dengan sebuah firma pelaburan asing berkata pasaran akan stabil bila penjualan manipulatif asing berakhir dan arah alirannya akan ditentukan oleh pelabur tempatan.

Tetapi beliau turut mempersoalkan sama ada pelabur tempatan akan mempunyai wang secukupnya setelah mengalami kerugian dalam pasaran kebelakangan ini.

Seorang lagi penganalisis berkata jika mereka sanggup membelanjakan berbilion ringgit untuk menyokong pasaran, ia memerlukan satu perancangan jangka panjang.

Beliau berkata amat merugikan untuk menggunakan wang yang sebegitu banyak hanya untuk menjadikan bursa tempatan kelihatan baik dalam jangka masa yang pendek. -- BERNAMA

BES SIA